

Taming Mas UMS-KAL Johan Tarian Joget

Oleh: Azri Onn Othman



Kumpulan Taming Mas UMS-KAL muncul juara keseluruhan pertandingan tarian joget anjuran Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 4 April 2010.

Dengan kemenangan itu, Taming Mas membawa pulang hadiah hadiah wang tunai RM250, piala iringan, plak bag setiap peserta dan sijil penyertaan. Naib johan disandang oleh penari Kumpulan Semilir SMK Pantai untuk meraih RM200, piala iringan, plak dan sijil penyertaan.

Kumpulan Anak Seni dari SMK Labuan yang menduduki tempat ketiga memenangi RM150 di samping piala iringan, plak dan sijil penyertaan.

Dalam kategori joget asli, johan dimenangi Taming Mas diikuti SMK Pantai dan SMK Labuan manakala SMK Pantai menjuarai kategori joget kreatif / moden, kedua UMS-KAL dan ketiga SMK Labuan.

Pertandingan tarian joget itu diadili Pengurus Teknik Pembangunan Kebudayaan dan Muzik, Jabatan Pelajaran Labuan, Hasnan Mohd Saad selaku ketua juri bersama koreografer Badan Budaya Perbadanan Labuan, Marjan Suin dan artis budaya, Perbadanan Labuan, Mohd Fadly Abu.

Sementara itu, lagu Perigi Biru yang dipopularkan oleh Datuk M Daud Kilau membawa tuah kepada pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Eddy Danny yang menjuarai pertandingan nyanyian Irama Malaysia dan menerima wang tunai RM100.

Naib johan pelajar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Clifrich Chuck Johnny selepas mendendangkan lagu nyanyian Datuk Sudirman Arshad, Gerimis Di Lautan dan memenangi RM70.

Pelajar SPKAL, Roseayu Moad Sapien menduduki tempat ketiga dan meraih RM50 selepas menyanyikan lagu Datuk Siti Nurhaliza, Nirmala. Tiga pelajar SPKAL, Nabilah Mohd Esa, Rosmah Hawareh dan Noorhayati Abdullah menduduki tempat keempat hingga kelima.

Pertandingan nyanyian Irama Malaysia itu diadili Pegawai Muzik PKPP, UMS, Mansor Ibrahim selaku ketua juri bersama dua kakitangan UMS-KAL, Abd Rahman Ibrahim dan Zabli Abu Bakri.

Pertandingan tarian dan nyanyian itu diadakan



sempena Karnival Kokurikulum Semester II Sesi 2009/2010 yang ditutup dengan rasminya oleh Pengarah PKPP UMS, Prof Madya Abdul Jamal Abdul Hamid.

Turut hadir Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Penolong Pendaftar Kanan PKPP, Azmi Jumat, Penolong Pendaftar Kanan Hal Ehwal Pelajar, Zamri Mohamad Tuah, Penolong Pendaftar PKPP UMS-KAL, Mas Adi Alimin dan pengurus penganjur, Gogilan A/L Murugaiah.

